



Ruj. Tuan :

Ruj. Kami (41) dlm. JK/MP 38 Jld.6

Tarikh : 10 Februari 2016

Pendaftar
Mahkamah Rayuan
Istana Kehakiman
PUTRAJAYA

Pendaftar
Mahkamah Tinggi Malaya
Istana Kehakiman
PUTRAJAYA

Pendaftar
Mahkamah Tinggi Sabah dan Sarawak
Istana Kehakiman
PUTRAJAYA

Pendaftar
Mahkamah Rendah Malaya
Istana Kehakiman
PUTRAJAYA

Timbalan Pendaftar /Penolong Kanan Pendaftar
Mahkamah Persekutuan/Rayuan/Tinggi/Rendah
Seluruh Malaysia

YBhg. Datuk/Dato'/Datin/Tuan/Puan,

ARAHAN AMALAN BIL. 1 TAHUN 2016
PINDAAN KEPADA GARIS PANDUAN, TATACARA DAN TANGGUNGJAWAB
PEGUAM LANTIKAN MAHKAMAH BAGI KES-KES
KESALAHAN HUKUMAN MATI

YAA Ketua Hakim Negara mengarahkan bahawa Arahan Amalan Bilangan 5 tahun 2013 berkenaan dengan garis panduan, tatacara dan tanggungjawab peguam lantikan mahkamah bagi kes-kes kesalahan hukuman mati dipinda seperti yang berikut:

Nama dan permulaan kuat kuasa

- (1) Arahan Amalan ini bolehlah dinamakan Arahan Amalan Bil. 1 Tahun 2016 Pindaan Kepada Garis Panduan, Tatacara dan Tanggungjawab Peguam Lantikan Mahkamah Bagi Kes-Kes Kesalahan Hukuman Mati.

...2/-

(2) Arahan Amalan ini mula berkuat kuasa pada 15 Februari 2016.

Pindaan subperenggan 10.2

2. Arahan Amalan Bilangan 5 tahun 2013 dipinda dengan-

(a) menggantikan subperenggan 10.2.1 dengan subperenggan yang berikut—

“10.2.1 Bayaran *getting up* kepada Peguam Lantikan Mahkamah di peringkat rayuan di Mahkamah Rayuan adalah sebanyak RM3,000.00 dan di Mahkamah Persekutuan sebanyak RM3,500.00, dan bayaran pada item (c), (d), (e), (f), (g), dan (i) pada perenggan 9.1.2 untuk Mahkamah Rayuan dan perenggan 9.1.3 untuk Mahkamah Persekutuan tersebut boleh dituntut sehari sebelum tarikh perbicaraan dan hari-hari berikutnya tanpa mengira tempoh hari perbicaraan.

Walau bagaimanapun, tuntutan bagi item (c), (d), (e), (f), (g), dan (i) hanya boleh dibuat Peguam Lantikan Mahkamah yang telah dipanggil bertugas di luar tempat di mana dia menjalankan perniagaannya.

Bagi tuntutan bayaran kos sebenar, tuntutan tersebut hendaklah disokong dengan pengemukaan resit yang diperakui sah.”.

(b) dengan menomborkan semula subperenggan 10.2.1 iaitu berkenaan “Peguam Lantikan Mahkamah Menarik Diri Pada Mana-Mana Peringkat Prosiding” dengan subperenggan 10.2.2.

Sekian, terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menurut perintah,


(DATIN LATIFAH BINTI HAJI MOHD TAHAR)
Ketua Pendaftar
Mahkamah Persekutuan Malaysia
Istana Kehakiman
PUTRAJAYA

Salinan Kepada:

YAA Ketua Hakim Negara
Mahkamah Persekutuan Malaysia
Istana Kehakiman
PUTRAJAYA

YBhg. Tan Sri Peguam Negara
Jabatan Peguam Negara Malaysia
PUTRAJAYA

YAA Presiden Mahkamah Rayuan
Mahkamah Persekutuan Malaysia
Istana Kehakiman
PUTRAJAYA

YAA Hakim Besar Malaya
Mahkamah Persekutuan Malaysia
Istana Kehakiman
PUTRAJAYA

YAA Hakim Besar Sabah dan Sarawak
Mahkamah Tinggi Kuching
KUCHING, SARAWAK

Timbalan Ketua Pendaftar
Mahkamah Persekutuan Malaysia
Istana Kehakiman
PUTRAJAYA

Ketua Bahagian Pendakwaan
Jabatan Peguam Negara
PUTRAJAYA

Timbalan Pendaftar
Mahkamah Persekutuan Malaysia
Istana Kehakiman
PUTRAJAYA

Pustakawan
Pejabat Ketua Pendaftar
Mahkamah Persekutuan Malaysia
Istana Kehakiman
PUTRAJAYA

Presiden
Majlis Peguam Malaysia
KUALA LUMPUR

Pengerusi
Persatuan Undang-Undang Sabah
SABAH

Pengerusi
Persatuan Peguam bela Sarawak
Bilik Peguam, Kompleks Mahkamah Kuching
SARAWAK

Editorial Director
Malaysian Current Law Journal
CLJ Legal Network Sdn Bhd
Ampang
SELANGOR

HAK MILIK PERPUSTAKAAN PKPMP